



**SYARAT DAN PERATURAN  
ANUGERAH KEBITARAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024**

**DEFINISI ANUGERAH KEBITARAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF UMK**

Anugerah Kebitaraan Pentaksiran Alternatif Universiti Malaysia Kelantan merujuk kepada pengiktirafan khas yang diberikan kepada kaedah pentaksiran alternatif yang telah berjaya mentransformasikan penilaian hasil pembelajaran sesuatu kursus secara efektif tanpa terikat dengan kaedah-kaedah konvensional seperti ujian dan peperiksaan akhir. Kaedah pentaksiran perlu selari dengan pencapaian hasil pembelajaran berdasarkan domain Kerangka Kelayakan Malaysia MQF 2.0 dan keterlibatan pelajar. Kaedah pentaksiran perlu mengukur sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran. Pengiktirafan ini bukan sahaja melihat kebitaraan di dalam reka bentuk, pemilihan dan pelaksanaan pentaksiran tetapi juga impak kepada pembelajaran pelajar serta inovasi dalam pentaksiran akademik.

**OBJEKTIF ANUGERAH**

Anugerah ini bertujuan untuk:

1. Memberikan pengiktirafan kepada kaedah pentaksiran alternatif yang telah berjaya mentransformasikan pentaksiran hasil pembelajaran sesuatu kursus secara efektif.
2. Menggalakkan amalan terbaik dalam pentaksiran alternatif akademik yang boleh dicontohi dalam mereka bentuk pentaksiran pelajar.

**SYARAT PERMOHONAN**

1. Terbuka kepada semua staf akademik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
2. Penyertaan terbuka kepada Individu / Kumpulan.
3. Pencalonan terbuka kepada pencalonan kendiri (*self-nomination*) atau pencalonan dari fakulti oleh Ketua Jabatan/ Timbalan Dekan Akademik/Dekan.
4. Tiada had penyertaan bagi setiap Fakulti/ Pusat Akademik.
5. Tarikh **TUTUP** permohonan adalah pada **9 Oktober 2024 (Rabu)**.

## KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- i. Rasional
- ii. Penajaran Konstruktif
- iii. Pelaksanaan Pentaksiran
- iv. Inovasi dalam Pentaksiran
- v. Penggunaan Teknologi dalam Pentaksiran
- vi. Keterlibatan
- vii. Impak & Keberkesanan
- viii. Bukti / Dokumen Sokongan

| Kategori                         | Deskripsi   |
|----------------------------------|---|
| <b>Rasional</b>                  | Menilai sejauh mana motivasi, keperluan, dan isu yang menjadi asas kepada pelaksanaan kaedah pentaksiran alternatif, serta menentukan sama ada kaedah tersebut adalah idea asli atau adaptasi. Penilaian juga termasuk pemahaman teori dan amalan terbaik yang menginspirasi kaedah tersebut.   |
| <b>Penajaran Konstruktif</b>     | Menilai kesesuaian dan keberkesanan kaedah pentaksiran alternatif dalam mengukur hasil pembelajaran yang telah ditetapkan, termasuk alat pengukuran yang digunakan dan bukti keberkesanan kaedah tersebut.  |
| <b>Pelaksanaan Pentaksiran</b>   | Menilai bagaimana kaedah pentaksiran alternatif dilaksanakan dalam kursus yang diajar, cabaran yang dihadapi dan cara mengatasinya, serta bukti pelaksanaan kaedah tersebut.  |
| <b>Inovasi dalam Pentaksiran</b> | <p>Menilai elemen inovatif dalam kaedah pentaksiran alternatif, pencapaian dalam pertandingan inovasi berkaitan pentaksiran alternatif, dan bukti impak positif terhadap pembelajaran pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Inovasi merangkumi pelbagai aspek termasuk pendekatan, metodologi, dan strategi baru atau kreatif dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif.</i></li> <li>• <i>Tidak terhad kepada penggunaan teknologi sahaja, tetapi boleh melibatkan perubahan dalam cara soalan disusun, jenis soalan yang digunakan, kaedah penilaian yang lebih berpusatkan pelajar, atau teknik penilaian alternatif yang lebih autentik dan relevan.</i></li> <li>• <i>Contoh: Menggunakan pentaksiran berasaskan projek, pentaksiran rakan sebaya, penilaian kendiri, penggunaan rubrik yang lebih terperinci, dan sebagainya yang relevan.</i></li> </ul> |

|   |   |
|---|---|
| <b>Penggunaan Teknologi dalam Pentaksiran</b> | <p>Menilai penggunaan teknologi dalam melaksanakan pentaksiran alternatif dan bukti yang menunjukkan keberkesanan teknologi tersebut, termasuk maklum balas dari pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Penggunaan teknologi dalam konteks ini merujuk secara khusus kepada penerapan alat dan perisian teknologi untuk melaksanakan pentaksiran alternatif. Ini termasuk penggunaan platform e-pembelajaran, sistem penilaian dalam talian, analitik pembelajaran, alat penggredan automatik, dan lain-lain.</i></li> <li>• <i>Contoh: Menggunakan perisian kuiz dalam talian, aplikasi pengurusan kelas seperti Google Classroom atau Moodle, alat analitik untuk menilai prestasi pelajar secara berterusan, dan sebagainya yang relevan.</i></li> </ul> |
| <b>Keterlibatan</b>                           | Menilai bagaimana pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui kaedah pentaksiran alternatif, mekanisme maklum balas untuk menilai kemajuan pembelajaran pelajar, dan bukti keterlibatan pelajar.  |
| <b>Impak / Keberkesanan</b>                   | Menilai impak dan keberkesanan kaedah pentaksiran alternatif dalam mencapai hasil pembelajaran kursus, adaptasi kepada kursus/program lain, serta bukti keberkesanan termasuk data pencapaian pelajar dan maklum balas mereka.  |

## MAKLUMAT TAMBAHAN

- Penilaian anugerah diambil kira bermula pada **Januari hingga September 2024**.
- Bukti / dokumen sokongan hendaklah disusun dan dikumpulkan mengikut kriteria (rujuk Borang Anugerah) dan hendaklah diserahkan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel [pkpa@umk.edu.my](mailto:pkpa@umk.edu.my) .

## NILAI ANUGERAH

Penerima Anugerah Kebitaraan Pentaksiran Alternatif Universiti Malaysia Kelantan akan menerima **Piala Iringan dan Sijil Penghargaan**.



**BORANG  
ANUGERAH KEBITARAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF AKADEMIK  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024**

**A. PROFIL STAF**

|             |   |  |
|-------------|---|--|
| Nama        | : |  |
| Jabatan     | : |  |
| Fakulti     | : |  |
| No. Telefon | : |  |
| Emel Rasmi  | : |  |

**B. SENARAI TENAGA PENGAJAR/AHLI KUMPULAN (SEKIRANYA BERKAITAN)**

| No. | Nama | Fakulti |
|-----|------|---------|
|     |      |         |
|     |      |         |
|     |      |         |
|     |      |         |

**C. MAKLUMAT KURSUS & KAEDAH PENTAKSIRAN ALTERNATIF**

|  |   |  |
|--|---|--|
| Nama Kursus & Kod Kursus   | : |  |
| Sinopsis Pendek Kursus   | : |  |
| Hasil Pembelajaran Kursus yang berkaitan dengan kaedah pentaksiran | : |  |
| Nyatakan kaedah pentaksiran alternatif yang digunakan              | : |  |

#### D. RASIONAL

- i. Nyatakan motivasi, keperluan & isu/permasalahan utama yang menggerakkan inisiatif penggunaan/pelaksanaan pentaksiran alternatif. (5 markah)
- ii. Terangkan sekiranya kaedah pentaksiran alternatif yang digunakan idea asli atau adaptasi dari mana-mana sumber/model. (5 markah)
- iii. Nyatakan teori, kerangka atau mana-mana amalan pendidikan berimpak tinggi yang menginspirasi inisiatif pentaksiran alternatif. (5 markah)

#### E. PENJAJARAN KONSTRUKTIF

- i. Nyatakan kesesuaian pentaksiran alternatif yang digunakan untuk mengukur hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. (5 markah)
- ii. Nyatakan alat pengukuran yang digunakan dalam mengukur keberkesanannya kaedah pentaksiran alternatif dalam mencapai hasil pembelajaran kursus (HPK). (5 markah)
- iii. Sertakan bukti pentaksiran alternatif yang digunakan dan juga alat pengukuran yang digunakan. (5 markah)

#### F. PELAKSANAAN PENTAKSIRAN

- i. Jelaskan bagaimana kaedah pentaksiran alternatif ini dilaksanakan dalam kursus yang diajar. (5 markah)
- ii. Nyatakan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan kaedah pentaksiran alternatif ini dan cara mengatasinya. (5 markah)
- iii. Sertakan bukti yang menunjukkan kaedah pelaksanaan kaedah pentaksiran ini. (5 markah)

#### G. INOVASI DALAM PENTAKSIRAN

- i. Jelaskan elemen inovatif yang diperkenalkan dalam pentaksiran alternatif ini. (5 markah)
- ii. Nyatakan pertandingan inovasi yang telah disertai berkaitan dengan pentaksiran alternatif ini dan pencapaian yang diperoleh. (Nyatakan peringkat pertandingan; universiti, nasional, antarabangsa, industri). (5 markah)

- iii. Sertakan bukti yang menunjukkan bahawa inovasi dalam pentaksiran ini telah memberi impak positif kepada pembelajaran pelajar. (5 markah)

## **H. PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENTAKSIRAN**

- i. Nyatakan teknologi yang digunakan untuk melaksanakan pentaksiran alternatif ini. (5 markah)
- ii. Sertakan bukti yang menunjukkan penggunaan teknologi telah meningkatkan keberkesanan pentaksiran, termasuk contoh spesifik dan maklum balas dari pelajar. (5 markah)

## **I. KETERLIBATAN**

- i. Jelaskan bagaimana pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui penggunaan kaedah pentaksiran alternatif ini. (5 markah)
- ii. Nyatakan mekanisme maklum balas yang digunakan untuk menilai kemajuan pembelajaran pelajar. (5 markah)
- iii. Sertakan bukti (testimoni pelajar/gambar/ bukti bahan pembelajaran/bukti maklum balas). (5 markah)

## **J. IMPAK / KEBERKESANAN**

- i. Adakah kaedah pentaksiran alternatif terbukti telah mencapai sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran kursus (HPK) dan sejauh manakah kaedah ini dapat menilai keupayaan sebenar pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran kursus berbanding kaedah pentaksiran yang digunakan sebelum ini? (Pembuktian dari pencapaian HPK pelajar). (5 markah)
- ii. Jelaskan bagaimana kaedah pentaksiran alternatif dapat diadaptasikan kepada kursus atau program lain. (5 markah)
- iii. Sertakan bukti yang menunjukkan impak/keberkesanan kaedah pentaksiran alternatif termasuk data pencapaian pelajar dan maklum balas mereka. (5 markah)